

TARIKH	26 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-20	RUANGAN	Supplement

Oleh Faizul Azlan Razak  
bhinda@nstp.com.my  
Gambar Aswadi Alias

**KUALA BERANG:** Bukan halangan bagi Shamimi Izzati Asari, 15, menyertai Seminar Skor A, Penilaian Menengah Rendah (PMR), di sini, walaupun masih bersehidat kehilangan bapa tersayang yang meninggal dunia akibat penyakit di hati Khamis, minggu lalu.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Menerung, itu adalah antara 260 orang pelajar PMR seluruh Terengganu yang menyertai seminar PMR anjuran Berita Harian dengan kerjasama Kelab Tabung Haji (Kelab TaHa) cawangan Hulu Terengganu yang diadakan di Dewan Pejabat Agama Daerah Hulu Terengganu, baru-baru ini.

Anak kedua daripada lima adik-beradik itu berkata, ketika arwah bapanya, Encik Asari Ahmad, 45, dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) baru-baru ini memberi amanat supaya menyertai seminar itu walaupun apa terjadi kepadanya.

Katanya, dia berasa amat bertuah terpilih menyer-



Encik Abd Wahab (tengah) bersama pelajar Seminar PMR anjuran Berita Harian bersama Kelab TaHa di Dewan Pejabat Agama, Hulu Terengganu, baru-baru ini.

## Pesan arwah bapa tersemat di hati Shamimi

tai seminar yang banyak memberi tip menghadapi peperiksaan terutama dalam subjek Bahasa Inggeris dan Matematik.

"Saya menyertai seminar ini dengan harapan meng-

gunung bagi memenuhi permintaan arwah bapa yang beriya-ya mendaftarkan nama saya bagi memastikan saya mendapat ilmu yang disampaikan pakar dari Kuala Lumpur.

"Pengalaman mengikuti seminar PMR ini membuatkan saya teruja apabila ia bukan saja dapat menambahkan ilmu dalam teknik menjawab soalan malah membantu menambah keyakinan diri untuk menghadapi peperiksaan," katanya yang menyasarkan 8A dalam PMR tahun ini.

Seorang lagi peserta, Mohamad Saiful Hamzah, 15, berkata seminar yang diikutinya itu banyak membantu beliau mengenal pasti kelemahan yang lazim dilakukan pelajar ketika menjawab soalan.

Pelajar dari Kampung Felda Mengkawang, di sini, berkata kelemahan diri ialah kesuntukan masa menjawab soalan, namun selepas menyertai seminar itu ternyata ia banyak memban-

tu selain teknik menjawab soalan.

"Kemahiran pengurusan masa dalam peperiksaan dan kaedah menjawab yang diajar penceramah dapat menyelesaikan masalah kesuntukan masa menjawab yang sering saya hadapi dalam subjek Matematik," katanya.

Sementara itu, Pengurus Tabung Haji cawangan Hulu Terengganu, Encik Abd Wahab Mamat, berkata seminar yang dianjurkan bersama Berita Harian itu membabitkan pelajar daripada 10 SMK seluruh negeri ini.

"Matlamat utama seminar ini untuk membantu dan memastikan pelajar memperoleh keputusan terbaik dalam peperiksaan PMR yang akan dihadapi nanti," katanya ketika ditemui dalam program itu.



Pelajar memberi tumpuan ketika seminar berlangsung.